

06 MAY 1999

Samy-MIC

PILIHAN RAYA: SAMY VELLU MULA JELAJAH NEGARA

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Dalam suasana ura-ura pilihan raya umum akan diadakan lebih awal, Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu akan memulakan "road show"nya esok dengan lawatan ke Perlis dan Kedah di mana beliau akan merasmikan konvensyen parti negeri.

Ini akan diikuti dengan lawatan ke Pulau Pinang pada hari yang sama untuk berucap pada mesyuarat MIC negeri.

"Adalah perkara biasa bagi presiden MIC merasmikan konvensyen-konvensyen parti negeri setiap tahun dan tidak ada apa-apa yang istimewa tahun ini," kata setiausaha akhbar Samy Vellu, S. Ganapathy.

Adalah difahamkan bahawa dalam ucapan-ucapannya pada semua mesyuarat MIC negeri, Samy Vellu akan memberi penekanan kepada program-program kerajaan untuk memulihkan ekonomi dan persediaan parti itu untuk menghadapi pilihan raya umum yang perlu diadakan sebelum Jun tahun depan.

Para pemimpin MIC negeri dijangka akan memaklumkan kepada Samy Vellu mengenai persediaan mereka menghadapi pilihan raya itu dan maklum balas daripada akar umbi, kata seorang pegawai parti.

Beliau yang enggan dinamakan berkata, Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya akan mengambil peluang untuk menjelaskan kepada para pemimpin parti di peringkat cawangan dan bahagian mengenai kedudukan politik terkini dalam negara.

"Anggota-anggota parti itu kemudiannya akan dapat menjelaskannya kepada anggota-anggota akar umbi," katanya.

Pada hari Sabtu, Samy Vellu akan merasmikan mesyuarat MIC Perak diikuti dengan Pahang pada hari Ahad, Wilayah Persekutuan (Rabu), Negeri Sembilan (19 Mei), Melaka (20 Mei), Terengganu dan Kelantan (21 Mei), Johor (22 Mei) dan Selangor (29 Mei).

Perhimpunan Agung MIC dijadualkan untuk dua hari mulai 31 Julai. Ia dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemilihan parti hanya akan diadakan tahun depan.

Pada pilihan raya umum 1995, MIC bertanding dan menang kesemua tujuh kerusi Parlimen dan 15 kerusi negeri.

Kerusi-kerusi Parlimen yang sekarang dipegang oleh MIC ialah Sungai Siput (Samy Vellu), Segamat (timbangan presiden MIC Datuk S.Subramaniam), Hulu Selangor (naib presiden Datuk G.Palanivel), Tapah (naib presiden Datuk K.Kumaran), Subang (Datuk M.Mahalingam), Teluk Kemang (Datuk L.Krishnan) dan Kapar (Dr Leela Rama).

Baru-baru ini Samy Vellu berkata parti itu akan memperkenalkan "muka-muka baru" untuk bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Ketua MIC itu telah menjelaskan beberapa kali bahawa beliau tidak akan menerima wakil-wakil MIC yang hanya menjadi "ahli-ahli politik di atas kerusi".

Pada mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC baru-baru ini, Samy Vellu mengarahkan jentera pilihan raya parti itu digerakkan setiap masa.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa keutamaan parti ialah untuk membantu dalam pemulihan ekonomi negara.

--BERNAMA

ES WAT